

EBOLA PEMBUNUH TANPA PENAWAR

» WHO jangka jangkitan wabak meningkat 1,400 kes sehari

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Ebola, namanya mungkin kelihatan sedap untuk disebut tetapi ia sebenarnya adalah wabak pembunuh yang telah mengorbankan ribuan nyawa di Afrika dan beberapa negara lain. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) turut menjangkakan jangkitan akibat wabak Ebola ini akan meningkat sehingga 10,000 kes dalam masa seminggu atau lebih kurang 1,400 kes sehari.



Dalam satu laporan, WHO mendedahkan sehingga 10 Oktober 2014, sejumlah 4,033 orang daripada 8,399 kes yang didaftarkan di tujuh negara, khususnya di Afrika Barat mati akibat Ebola.


Belum ada penawar
Hampir 50 peratus pesakit yang menghidap wabak Ebola akan mati dan selebihnya hanya menunggu masa kematian kerana sehingga kini masih tiada penawar untuk wabak ini.

Ebola bukanlah wabak baharu tetapi setahun kebelakangan ini ia kembali menyerang dan kebanyakan negara yang terjejas teruk akibat wabak Ebola ialah Liberia, Sierra Leone, Guinea, Republik Congo dan Nigeria.

Terbaharu sudah terdapat kes positif Ebola dilaporkan di Amerika Syarikat (AS) yang membabitkan petugas kesihatan. Mangsa pertama Ebola di AS sebelum ini ialah Thomas Eric Duncan yang baru tiba dari Liberia untuk menziarahi saudara maranya sebelum jatuh sakit dan meninggal.

BH 19/10/14 MSK





4,484

4,983

4,249



8,973

PENYEBARAN DAN JANGKITAN

- ⊙ Sudah hampir 40 tahun sejak Ebola dikesan dan kini, **virus pembunuh ini kembali** menyebabkan wabak maut
- ⊙ Pesakit dijangkiti menerusi cecair badan dan **mengambil masa dua hingga 21 hari** untuk menunjukkan gejala dan menjangkiti orang lain.
- ⊙ Pesakit menunjukkan gejala awal seperti **demam, sakit kepala, sakit tekak, sakit sendi** dan hilang selera makan. Pada peringkat lewat, pesakit muntah-muntah, cirit-birit, kegagalan buah pinggang dan hati selain mengalami pendarahan dalaman.
- ⊙ Kadar kematian di antara **60 hingga 90 peratus** disebabkan kaedah pengesanan awal dan pencegahan agresif di kawasan yang dilanda wabak.
- ⊙ Kelawar buah (**keluarga Pteropodidae**) adalah penyebar utama wabak Ebola. Kelawar jenis ini banyak menghuni di sekitar Afrika Barat.
- ⊙ Ebola disebarkan ke dalam **populasi manusia melalui hubungan rapat** dengan darah, cecair, organ atau cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti chimpanzi, gorila, kelawar buah-buahan, monyet dan landak.
- ⊙ Disebabkan tahap kemiskinan yang tinggi **di negara-negara Afrika** menyebabkan mereka makan buah-buahan tercemar akibat digigit kelawar yang dijangkiti atau menangkap dan mengambil haiwan yang sedang sakit atau baharu mati selepas diserang wabak untuk dijadikan sumber makanan manusia.
- ⊙ Ebola kemudian **merebak melalui manusia kepada manusia** melalui hubungan secara langsung (melalui kulit pecah atau membran mukus) dengan darah, cecair, organ atau cecair badan lain orang yang dijangkiti, dan dengan permukaan atau bahan-bahan (seperti peralatan tempat tidur, pakaian) yang tercemar dengan cecair.
- ⊙ Ketika upacara pengebumian juga boleh **menyebabkan wabak ini tersebar** dengan mereka yang mempunyai hubungan secara langsung dengan badan orang yang mati itu.
- ⊙ Satu kajian juga menyatakan jika anda bersalam dengan individu yang **dijangkiti dan cecair di tangannya** (seperti selepas bersin atau mengesat hingus) anda juga berisiko dijangkiti jika cecair itu sampai ke dalam badan.
- ⊙ Berkongsi makanan dengan menggunakan **sudu yang sama juga tanpa dibasuh** terlebih dulu turut berisiko tinggi mendapat jangkitan.
- ⊙ Melakukan hubungan seks dengan **pembawa virus ini turut menyebabkan anda** dijangkiti.
- ⊙ Manusia kekal berjangkit selagi darah dan cecair badan termasuk **air mani dan susu badan** masih mengandungi virus ini.
- ⊙ Lelaki yang pulih daripada wabak ini masih **boleh menghantar virus melalui air mani** mereka selama tujuh minggu selepas pulih.